

**PERSEMBAHAN UCAPAN
YANG HORMAT PROFESOR DATO' DR. DAING NASIR IBRAHIM
NAIB CANSOLOR UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
SEMPENA
MAJLIS PELANCARAN KOLEJ KEDIAMAN MAWADDAH
DAN MAJLIS SAMBUTAN AIDILFITRI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
PADA HARI KHAMIS, 6 JULAI 2017; PUKUL 11:00 PAGI;
DI PERKARANGAN PUSAT AKTIVITI PELAJAR, UMP PEKAN**

SALUTASI DIRAJA

Bismillahirrahmanirrahim,

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

dan Salam Sejahtera.

Menghadap:

Kebawah Duli Yang Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang,

Tengku Mahkota Tengku Abdullah al-Haj ibni Sultan Haji Ahmad Shah

al-Musta'in Billah;

Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Puan Pahang,

Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah

binti Almarhum al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar al-Haj;

Ampun Tuanku beribu-ribu ampun,

Sembah patik mohon diampun.

SERU BUKAAN

1. Dengan penuh hormat dan takzimnya, patik menyembahkan setinggi-tinggi ucapan menjunjung kasih atas perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku dan Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Puan Pahang berangkat bercemar duli ke Upacara Pelancaran Pembinaan Kolej Kediaman Mawaddah dan Majlis Sambutan Aidilfitri Universiti Malaysia Pahang pada pagi ini.
2. Sesungguhnya, keberangkatan Kebawah Duli Tuanku yang ditunggu-tunggu dengan rasa girang oleh patik sekalian menambahkan lagi seri majlis pada pagi 12 Syawal 1438 Hijrah yang indah lagi barakah ini. Bagi patik sekalian di UMP, keberangkatan Kebawah Duli Tuanku begitu istimewa dan bermakna dalam suasana ukhuwwah dan mahabbah Aidilfitri yang diraikan dengan penuh kesyukuran dan keinsafan.

3. Kemurnian ukhuwwah, mahabbah dan silaturrahim tersebut telah membolehkan majlis pada pagi ini diadakan dengan kehadiran 2,000 jemputan dari kalangan warga kerja dan mahasiswa UMP serta rakan-rakan sinergi Universiti ini.

CROWDFUNDING UNTUK KELESTARIAN PEMBANGUNAN

4. Ampun Tuanku beribu-ribu ampun,
Sembah patik mohon diampun;

Pada kesempatan ini juga, patik ingin menyebarkan ucapan ucapan menjunjung kasih atas kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku sebagai Canselor Universiti ini sejak tahun 2006 serta keprihatinan mendalam Kebawah Duli Tuanku terhadap kemajuan pembangunan kampus UMP Pekan sejak awal lagi.

5. Kepimpinan dan keprihatinan diraja tersebut adalah antara katalis utama yang merancakkan pembangunan kampus UMP Pekan sejak perletakan batu asasnya 17 tahun yang lalu iaitu pada 2 November 2002. Kampus berkeluasan 642.42 ekar ini yang mula beroperasi sejak 27 Jun 2009 terus mengalami perkembangan fizikal yang pesat bagi memenuhi tuntutan keperluan semasa yang

terus meningkat bagi manfaat warga kerja dan mahasiswa UMP sama ada dalam aspek operasi pentadbiran, operasi akademik, operasi penyelidikan, rekreasi, makanan dan penginapan.

6. Dalam konteks tersebut, pihak dan pihak pengurusan menyedari kepentingan penyertaan awam dan swasta dalam usaha pembangunan infrastruktur dan penyediaan fasiliti di Universiti ini melalui medium *crowdfunding* sebagai alternatif kepada pergantungan mutlak terhadap peruntukan kewangan dari Kerajaan Persekutuan semata-mata.

7. Maka itulah, inisiatif *MyGift* yang dirasmikan pelancarannya pada 1 Oktober 2016 yang lalu menjadi platform *crowdfunding* yang sistematik dan berstruktur untuk UMP meneroka peluang pembiayaan bagi tujuan endowmen, wakaf pendidikan, bantuan asnaf, pembangunan fasiliti dan seumpamanya selaras dengan aspirasi Kementerian Pendidikan Tinggi.

PEMBANGUNAN KOLEJ KEDIAMAN MAWADDAH

8. Ampun Tuanku beribu-ribu ampun,
Sembah patik mohon diampun;

Acara pada hari ini menyaksikan satu lagi projek penting yang dibangunkan melalui inisiatif *MyGift* iaitu pembinaan Kolej Kediaman Mawaddah secara wakaf dengan kerjasama Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) yang dikhususkan kepada mahasiswa UMP dari kalangan anak yatim dan asnaf.

9. Untuk itu, sukacita patik menyembah maklum ke sisi pengetahuan Kebawah Duli Tuanku bahawa pihak MUIP telah memberi kelulusan rasmi kepada UMP untuk memulakan kutipan wakaf bagi tujuan pembinaan Kolej Kediaman Mawaddah dengan bantuan dana permulaan dari MUIP berjumlah RM 400 ribu.
10. Keputusan pihak pengurusan UMP untuk membangunkan projek Kolej Kediaman Mawaddah ini adalah bertitik-tolak daripada keprihatinan mendalam terhadap kesulitan hidup dan kekangan kewangan yang dihadapi segelintir mahasiswa bagi membiayai

kos penginapan sepanjang tempoh pengajian mereka di Universiti ini. Justeru, sebidang tanah yang berkeluasan dua ekar telah diperuntukkan dalam kawasan kampus UMP Pekan bagi tujuan projek ini dengan kos pembinaan berjumlah RM5 juta.

11. Sehubungan dengan itu, pihak pengurusan UMP telah memulakan inisiatif untuk mencari dana yang diperlukan bagi menampung kos pembinaan Kolej Kediaman Mawaddah ini secara intensif sejak tahun 2016 lagi. Selain kutipan dana wakaf yang diterima hasil sumbangan warga kerja Universiti ini melalui potongan gaji mereka, UMP turut memerlukan sokongan dan dukungan para dermawan dari kalangan individu perseorangan, agensi awam, pertubuhan sukarela, badan swasta dan organisasi korporat untuk turut serta menghulurkan bantuan kewangan bagi merealisasikan projek Kolej Kediaman Mawaddah ini.

12. *Insyah-Allah*, pembinaan bangunan asrama dua tingkat Kolej Kediaman dengan keluasan lantai 3,115.06 meter persegi ini akan dimulakan pada tahun ini juga dan dijangka siap pada tahun 2018. Selain menyediakan kemudahan penginapan untuk 220 mahasiswa, bangunan Kolej Kediaman Mawaddah ini apabila siap

kelak akan turut dilengkapi dengan kemudahan lain seperti dewan makan, ruang serbaguna dan pejabat pentadbiran.

13. Sesuai dengan semangat asal yang mendasari idea pembangunannya, para mahasiswa dari kalangan anak yatim dan asnaf yang diberi kemudahan tempat tinggal di Kolej Kediaman Mawaddah akan dikecualikan daripada caj yuran penginapan sepanjang pengajian mereka di UMP.

14. Melalui inisiatif ini, para mahasiswa dari kalangan anak yatim dan asnaf yang ditempatkan di Kolej Kediaman Mawaddah ini akan dapat memberikan tumpuan sepenuhnya kepada urusan akademik dan pengajian mereka tanpa perlu kawatir mengenai masalah berkaitan tempat penginapan. Ini tentu sekali akan memotivasikan mereka untuk mencapai prestasi yang lebih cemerlang dan seterusnya menjadi graduan yang berdaya saing serta berupaya pula kembali menyumbang kepada Universiti ini pada masa hadapan sebagai alumni yang prihatin.

15. Oleh kerana perkataan *Mawaddah* yang berasal dari Bahasa Arab dan diserap sebagai kata pinjaman dalam Bahasa Melayu membawa maksud 'kasih sayang yang mendalam', maka sesuaiilah sekali nama yang indah tersebut bukan sahaja mendasari sosok fizikal bangunan Kolej Kediaman ini kelak, tetapi juga turut memanifestasikan kemuliaan hati dan keikhlasan sumbangan para pewakafnya yang budiman.

16. Oleh yang demikian, pihak pengurusan UMP telah menubuhkan satu sekretariat khas untuk menyelaraskan semua urusan berkaitan perancangan inisiatif dan penyaluran sumbangan berkaitan projek Kolej Kediaman Mawaddah bagi memastikan segala gerak kerja berjalan teratur sepertimana yang telah dijadualkan dalam carta perbatuannya.

17. Adalah menjadi tekad patik dan pihak pengurusan bahawa projek Kolej Kediaman Mawaddah ini, apabila siap kelak akan menjadi satu model projek wakaf pendidikan yang bukan sahaja boleh diteladani oleh institusi-institusi pendidikan tinggi yang lain, malah boleh turut dikembangkan secara serius oleh kerajaan bagi menggalakkan kesedaran wakaf dan amal jariah dalam kalangan warganegara Malaysia yang prihatin.

ALU-ALUAN KEPADA DIF-DIF

18. Ampun Tuanku beribu-ribu ampun,
Sembah patik mohon diampun;

Patik mohon ampuni limpah perkenan Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tuanku bagi patik merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada tetamu-tetamu yang hadir:

- Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang dan Yang Amat Berbahagia Datin Sri Diraja;

- Yang Berhormat Menteri Pendidikan Tinggi dan Yang Berbahagia Datin Seri;

- Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Berbahagia Datin Seri;

- Ahli-ahli Jumaah Pangkuan Diraja Negeri Pahang;

- Yang Hormat Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Pahang dan Yang Berbahagia Datin;

- Yang Hormat Pegawai Daerah Pekan;

- Yang Berhormat Ahli Dewan Undangan Negeri Pahang Kawasan Peramu Jaya;

- Yang Berbahagia Ahli-ahli Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Pahang;

- Ketua-ketua Jabatan Persekutuan dan Negeri;

- Yang Hormat Dato'-Dato' dan Yang Berbahagia Datin-datin;

- Tuan-tuan dan puan-puan, warga kerja dan mahasiswa UMP yang dikasihi.

SEMBAH PENUTUP

19. Ampun Tuanku beribu-ribu ampun,
Sembah patik mohon diampun,

Sekianlah sahaja persembahan ucapan patik pada malam ini. Patik merafak sembah memohon ampun dan maaf jika ada terdapat kesilapan tutur bicara di dalam persembahan ucapan patik sebentar tadi.

20. Selanjutnya patik berdoa ke hadrat Allah Taala moga-moga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang; Duli Yang Maha Mulia Sultanah Pahang Sultanah Hajjah Kalsom; Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang; Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Puan Pahang; Yang Amat Mulia Paduka-paduka Anakanda Putera dan Puteri serta Yang Mulia Paduka-paduka Cucunda Putera dan Puteri Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang sentiasa di dalam aman sentosa, sihat walafiat serta dilanjutkan usia. *Amin.*

Ampun Tuanku beribu-ribu ampun,

Sembah patik mohon Diampun;

Wabillahi taufiq walhidayah,

wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.